



**TALKING POINTS YAB MENTERI BESAR  
MESRA BERSAMA NGO, USAHAWAN & PEMIMPIN TEMPATAN  
30 MAY 2022**

**Rasional**

1. COVID19 telah mengubah kehidupan seharian di negara ini dalam cara yang tidak pernah terjangkau oleh akal fikiran. Berjuta-juta rakyat tidak boleh pergi bekerja, anak-anak anda tidak boleh pergi ke sekolah atau tadika, kedai ditutup. Lebih dua tahun kita tidak dapat berhari raya, menghadiri kenduri-kendara apa lagi bertemu sanak saudara.
2. Alhamdulillah, dunia kini mulai memulih secara perlahan-lahan, masih ada beberapa kesan yang kita rasai dalam konteks ekonomi terutamanya. Gangguan rantai makanan, inflasi, krisis tenaga kerja merupakan kesan pasca pandemik yang mahu atau tidak terpaksa kita hadapi.
3. Oleh itu, pada hari ini saya bersama-sama anda dengan kaedah yang berbeza, bukan dengan cara formal, untuk mendengar input hadirin

sekalian secara langsung dan terus bagi memastikan pelan pemulihan jangka sederhana serta hala tuju jangka panjang negeri yang inklusif dapat diformulasi untuk kesejahteraan kita bersama.

4. Saya yakin, jalan pemulihan ini akan berjaya sekiranya kita lakukan secara bersama dan mengambil kira saranan semua pihak secara inklusif. Ini bukan tanggungjawab yang bersifat individu atau persendirian, ini tugas secara bersama. Kita mahu pastikan pelan di peringkat negeri ini dilakukan untuk melindungi rakyat dalam segenap lapisan komuniti daripada impak ekonomi dan sosial pasca pandemik.

5. Kaji selidik yang dijalankan pihak SME Corp di peringkat nasional mendapati kira-kira 73% daripada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di negara ini merekodkan kerugian pada tahun 2020 namun sebahagian besar daripada mereka mampu pulih dalam tempoh kurang setahun. Sektor PKS dikenal pasti sebagai kelompok usahawan yang mampu bangkit paling pantas daripada impak ekonomi pandemik COVID-19 kerana ketangkasan mereka mengguna pakai strategi berbeza untuk bertahan dalam perniagaan.

6. Kebangkitan ini turut disokong oleh 24 inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dengan peruntukan sebanyak RM14.5 bilion yang memberikan kesan langsung kepada PKS antaranya melibatkan bantuan kewangan dan moratorium pembayaran pembiayaan bagi meringankan tekanan terhadap aliran tunai. Sektor PKS ini mampu cepat berubah dan beradaptasi dengan perkembangan semasa, contohnya usahawan yang mengubah operasi kepada perniagaan dalam talian atau secara *online* terutamanya sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

7. Berdasarkan unjuran dan data yang positif ini, saya yakin usahawan tempatan akan mampu bangkit dan pulih lebih cepat walaupun dalam ketidaktentuan ekonomi. Pun begitu, usaha ini memerlukan sumbangan kolektif semua pihak agar pemulihan ekonomi terutamanya di peringkat daerah dapat dijalankan dengan lebih pantas dan cekap.

### **Perak Sejahtera dalam Konteks Masyarakat**

8. Pelan Perak Sejahtera 2030 yang akan saya lancar tidak lama lagi, merupakan agenda yang memerlukan sinergi semua pihak termasuk usahawan, NGO, pemimpin tempatan serta kerajaan. Anda semua yang hadir pada hari ini merupakan pemain utama dalam pelaksanaan hala tuju jangka masa panjang ini.

9. Segala isu dan masalah tidak boleh diatasi secara berasingan, kita tak boleh lagi bekerja secara *in silo*. Ini kerana kebergantungan antara organisasi serta aliran jangka panjang yang lebih baik akan dapat dibangunkan secara bersama. Pemimpin tempatan perlu peka dengan orang kampung yang perlukan bantuan, usahawan yang perlu diberi suntikan dana untuk pemulihan perlu diberi keutamaan, bahkan penggerak NGO perlu lebih tangkas dalam mencadangkan penyelesaian.

10. Pelan Perak Sejahtera 2030 ini bukan pelan Saarani seorang. Ini pelan kita semua. Saya mahu pastikan agar penduduk di kawasan Bukit

Gantang serta rakyat Perak Utara khususnya memperoleh manfaat optimum, hasil kerjasama teguh antara anda semua yang hadir hari ini. Saya mahu, dalam tempoh mendatang, negeri Perak menjadi pembekal utama kepada bekalan makanan Malaysia, dan mungkin dunia dek kerana kekuatan yang kita ada.

11. Iltizam saya, adalah untuk bangunkan daerah ini sebagai hab IKS Pintar yang akan memanfaatkan usahawan setempat. Kita ada pelbagai pelan strategik dan projek pembangunan bersasar bagi merealisasikan sasaran ini. Namun, pelan ini hanya akan kekal sebagai sebuah pelan tanpa anda semua.

12. Melalui hab IKS Pintar, kita akan bina semula daerah ini yang akan memberi kesan limpahan ekonomi kepada masyarakat setempat. Kita boleh berikan pekerjaan kepada anak-anak muda tempatan. Mereka tak perlu lagi berhijrah untuk mencari kerja di bandar besar, bahkan kita akan suburkan ekonomi tempatan dengan memaksimumkan sumber tempatan sedia ada.

13. Di samping itu, kerajaan negeri juga giat memulih dan membangunkan tanah terbiar di negeri ini yang berkeluasan sebanyak 713.82 hektar. Projek ini merupakan usaha berterusan di bawah Jabatan Pertanian itu dimulakan sejak 2008 menerusi pembiayaan peruntukan pembangunan persekutuan.

14. Projek ini telah memberi manfaat kepada 404 pengusaha seluruh negeri sejak dilaksanakan dengan siling pembiayaan RM20,000 bagi setiap hektar membabitkan keluasan minimum 10 hektar. Pada tahun lalu sahaja, peruntukan pembangunan negeri sebanyak RM189,600

dibelanjakan membabitkan keluasan 11.32 hektar tanah dapat dibangunkan dengan tanaman durian dan sayuran.

15. Dalam usaha pemulihan tanah terbiar, kerajaan negeri menggerakkan kerja-kerja awalan tanah seperti pembersihan kawasan, pembajakan, pengapuran dan penyediaan kawasan tanaman. Ini merupakan antara usaha yang sedia ada yang akan diteruskan demi kemaslahatan rakyat.

### **Peranan NGO, Usahawan dan Pemimpin Tempatan**

16. Seperti dalam sesi terdahulu, saya mengingatkan semua, Perak Sejahtera 2030 ini bukan sesuatu yang baharu. Ia merupakan kesinambungan hala tuju terdahulu yang menyokong pelan kerajaan di peringkat pusat seperti Rancangan Malaysia Ke-12 serta Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

17. Pelan ini lebih komprehensif dengan mengenal pasti kekuatan yang dimiliki setiap daerah. Selain daripada daerah, antara industri yang akan diberi perhatian di daerah ini adalah; Pertanian, Perikanan, Industri elektrik/elektronik dan Bio-industri. Krisis makanan yang sedang dihadapi dunia ini merupakan ruang dan peluang untuk kita libatkan anak muda dalam industri ini.

18. Namun pelan ini hanya akan tinggal sebagai perancangan tanpa penglibatan anda semua yang hadir hari ini. Seperti yang saya tekankan sebentar tadi, kita semua perlu bekerja sebagai sebuah unit. Tidak lagi secara berasingan. Selain membina daya tahan dalam perniagaan dan ekonomi, pemimpin tempatan dan NGO mesti membina daya tahan masyarakat.

19. Penyelesaian pertumbuhan yang benar-benar mampan dan inklusif melangkaui pembangunan prestasi industri dan ekonomi semata-mata. Oleh itu, kerajaan negeri dengan kerjasama GLC negeri akan bersama-sama menggembleng tenaga dan menumpukan usaha kepada penambahbaikan dan pemuliharaan sumber serta memperkukuh ekonomi setempat dengan meningkatkan peluang untuk kehidupan dan mata pencarian segmen rentan, B40 dan orang asal.

### **Harapan**

20. Pandemik COVID19 mengubah cara kita berfikir tentang ekonomi dan kehidupan masyarakat. Pilihan dasar yang dibuat oleh kerajaan hari ini akan menentukan kejayaan negeri ini dalam membina jalan pemulihan serta peralihan kepada hari esok yang lebih positif, inklusif dan berdaya tahan. Ia adalah peluang untuk melakarkan laluan yang memperkasakan semua pihak untuk lebih bersedia menghadapi cabaran masa depan.

21. Jalan ini tidak mustahil, namun memerlukan gabungan tenaga serta usaha segenap lapisan masyarakat. Inilah peluang untuk kita bangunkan potensi negeri ini, terutamanya daerah di Perak Utara agar kita bukan sahaja boleh menjadi penyumbang kepada ekonomi negara yang lebih kukuh, bahkan memeta kedudukan negeri Perak sebagai pemain global.